

22/03/1997

Memasyarakat budaya kerajaan elektronik

Kamal Ahmad

PENERAPAN kerajaan elektronik mula terbukti apabila Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melancarkan Hompej SPA yang membolehkan sistem permohonan jawatan perkhidmatan awam dibuat melalui Internet. Ia mendekati SPA kepada pentadbiran tanpa kertas (paperless bureaucracy) dalam menuju matlamat kerajaan elektronik yang menjadi satu daripada tujuh aplikasi di bawah projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1 Ogos 1996.

Objektif utama kerajaan elektronik ialah mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti sektor awam dalam menyampaikan perkhidmatannya melalui penggunaan teknologi maklumat terkini.

Pelancaran Hompej SPA adalah usaha perancangan strategi untuk menjadikan SPA institusi pengambilan dalam perkhidmatan awam yang berkesan dan cekap dengan menggunakan sistem dan teknologi terkini sejajar dengan slogannya 'Mudah, Cepat dan Tepat'.

SPA membelanjakan RM680,000 untuk pembelian perkakas, pembangunan sistem serta rangkaian antara empat pejabat SPA di Jalan Cenderasari, Bangunan KWSG, cawangan di Kuching dan Kota Kinabalu.

Pemohon daripada kalangan warga Malaysia boleh mengisi Borang SPA 8 'I' yang disediakan dalam Internet manakala Borang SPA 9 'I' bagi memohon jawatan kontrak.

Permohonan melalui Internet adalah melalui kod <http://www//spa.gov.my> dan jawapan yang sewajarnya akan dimaklumkan sama ada melalui alamat E-Mel atau alamat surat-menyurat yang diberikan oleh pemohon.

Tujuan Hompej SPA ialah:

- * Memperkenalkan suruhanjaya itu dan tanggungjawabnya melalui teknologi maklumat.
- * Menyediakan satu lagi saluran untuk memohon jawatan dalam perkhidmatan awam melalui Internet.
- * Membolehkan calon dari seberang laut sama ada warga Malaysia atau asing membuat permohonan dengan lebih mudah.
- * Menyedia atau memperluaskan kemampuan pegawai SPA menggunakan komputer dan teknologi maklumat dalam urusan seharian; dan
- * Memperkukuh dan melengkapkan Sistem Pengambilan Sepanjang Masa (SMSM).

Namun menurut Setiausaha SPA, Datuk Abdul Wahab Adam, tumpuan Hompej SPA tidak tertumpu kepada kegiatan permohonan jawatan. Ia dijangka diluaskan kepada kegiatan seperti pengesahan jawatan, pemberian taraf berpencen dan peringatan kepada pelbagai kegiatan. Ia akan dilaksanakan apabila kecekapan pegawai menggunakan Internet meningkat.

Perkhidmatan awam menyediakan 157 jawatan yang boleh diisi oleh rakyat tempatan dan tiga kepada warga asing secara kontrak iaitu pegawai perubatan/pakar perubatan, jururawat terlatih, pengajar (kejuruteraan dan teknikal).

Langkah memperkenalkan Hompej SPA wajar kerana setiap tahun ada 60,000 penuntut Malaysia belajar di luar negara termasuk 10,000 tajaan kerajaan. SPA membenarkan calon tahun akhir membuat permohonan dan boleh mengemaskinikan maklumat selepas mendapat ijazah. Cara ini dilihat boleh mengurangkan pembaziran masa graduan yang tamat pengajian. Ini tepat dengan cadangan slogan baru Hompej SPA 'Jika anda lulus peperiksaan hari ini, esok SPA boleh lantik anda'.

Memandangkan sektor perkhidmatan awam menghadapi saingan sengit dengan sektor swasta dalam mendapatkan calon kerja, pelaksanaan Hompej SPA adalah

antara cara menambat hati graduan lebih awal sebelum mereka ditawarkan kerja oleh swasta.

Jika sistem pengambilan kakitangan masih di takuk lama, SPA mungkin tidak akan mendapat calon atau mendapat calon yang mencukupi. Kalau adapun hanya saki-baki yang gagal memasuki sektor swasta kerana sebab tertentu.

Oleh itu, perancangan dalam urusan pengambilan calon baru sangat penting di antara agensi yang memerlukan pegawai, agensi pusat yang meluluskan pengisian jawatan dan SPA yang membekalkan calon.

Satu bentuk kerjasama atau muafakat perlu di antara agensi ini.

Hompej SPA juga untuk memperkukuhkan pelaksanaan SMSM yang dilancarkan Disember tahun lalu dan mendukung slogan 'Hari ini jawatan kosong, esok SPA hantar calon'. Sejak dilancarkan hingga 17 Februari lalu, SPA menerima 18,000 calon yang mengemukakan permohonan untuk mengisi 147,000 jawatan. Melalui SMSM, seorang calon dibenar memohon 20 jawatan sekali gus.

Memandangkan negara juga kekurangan tenaga kerja dalam bidang tertentu seperti berkaitan marin, warga asing boleh memohon melalui Internet. Cara ini lebih mudah dan pantas tanpa membabitkan banyak kos serta masa ketika proses permohonan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Mazlan Ahmad, menyarankan agensi lain menggunakan kemudahan Hompej SPA. Bagi jabatan yang mempunyai hompej perlu mengiklankan mengenai permohonan jawatan yang boleh dibuat melalui Hompej SPA.

SPA juga patut menggunakan hompej jabatan lain bagi kepentingan suruhanjaya itu.

Selain Hompej SPA yang memperkukuhkan SMSM, suruhanjaya itu juga menyediakan kemudahan melalui TeleSPA (600-83-7979).

Melalui talian itu anda boleh memperolehi maklumat seperti, status pendaftaran permohonan anda, penjadualan temu duga, keperluan semasa menghadiri temu duga, keputusan temu duga dan penempatan calon yang berjaya dalam temu duga.

Ia juga menyediakan maklumat untuk mendapatkan Borang SPA 8 dan maklumat lain yang ditambah dari semasa ke semasa.

(END)